



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a) DALAM PERKHIDMATAN AWAM

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I (B.3)
SEKRETARIAT PERUBAHAN IKLIM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I
SEKRETARIAT PERUBAHAN IKLIM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
JABATAN PERDANA MENTERI
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:


1. a) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang *Environment and Climate Change* atau bidang bersesuaian.
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

2. **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam:
 - a) Peperiksaan Jabatan (jika ada);
 - b) Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan; dan
 - c) Peraturan-Peraturan Kewangan.
4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi ditahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengetuai Unit Perhubungan;
2. Menyediakan pelan komunikasi yang strategik *Brunei Climate Change Secretariat (BCCS)* yang merangkumi aktiviti, program dan penyaluran maklumat kepada orang ramai dan memastikan pelaksanaannya dengan teratur dan berkesan;



3. Bertanggungjawab dalam menghasil dan memastikan naratif pemberigaan yang konsisten (*publikasi BCCS*) dibentuk untuk digunakan pada semua peringkat penglibatan;
4. Bekerjasama dengan Agensi Kerajaan, pihak Swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan *Non-Governmental Organization (NGO)* dalam melaksanakan program '*outreach*' berkaitan dengan perubahan iklim;
5. Menyelaraskan persediaan mesyuarat-mesyuarat *BCCS* seperti Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam dan Jawatankuasa Eksekutif Perubahan Iklim;
6. Memantau dan menyelia semua saluran media sosial agar mempunyai maklumat terkini dan teratur;
7. Memantau dan menyelia bahan rekaan (*design*) pemasaran seperti *e-poster*, *slaid rasmi* bagi taklimat-taklimat, *merchandise* dan sebagainya;
8. Merancang dan melaksanakan strategi-strategi komunikasi bagi inisiatif inisiatif dan acara pemberigaan *BCCS* secara dalaman dan luaran seperti pameran, sesi-sesi dialog, lawatan kerja, taklimat, bengkel dan lain-lain;
9. Bertanggungjawab dalam memulakan dan mengurus Konsultasi Awam (*Public Consultations*) mengenai topik-topik penting;
10. Menyampaikan taklimat berkaitan *BCCS*, isu perubahan iklim dan yang berkaitan; dan
11. Melaksanakan tugas-tugas lain dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.